

## Kursus Jangka Pendek Komputer di Kampus Raub: Kajian terhadap Maklumbalas Peserta Kursus

*Rozeleenda Hj Abdul Rahman*

### ABSTRAK

*Kursus Jangka Pendek Komputer mula diadakan di UiTM Pahang Kampus Raub sejak tahun 2003. Para peserta terdiri daripada pelajar lepasan SPM dari sekolah-sekolah di sekitar daerah Raub dan kini dibuka kepada orang perseorangan atau berkumpulan dari jabatan kerajaan/swasta yang bumiputera. Sehingga tahun 2010, kursus jangka pendek komputer telah berjaya melatih seramai lebih 500 orang peserta dan juga merupakan penyumbang utama hasil pendapatan kepada Kampus Raub. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti keberkesanan kursus ini terhadap kriteria-kriteria penilaian yang ditetapkan di dalam borang soal selidik. Hasil kajian ini mendapati hampir kesemua kriteria yang dinilai mendapat penilaian yang positif dari para peserta kursus yang disoal terutama mengenai yuran kursus yang dikenakan berpatutan. Berdasarkan penilaian tersebut, adalah diharapkan Kursus Jangka Pendek Komputer ini dapat teruskan dari masa ke semasa dan juga mendapat sokongan pihak-pihak tertentu bagi membantu meningkatkan lagi keberkesanan kursus samada di UiTM Kampus Raub khasnya mahupun cawangan-cawangan UiTM Pahang amnya.*

**Kata Kunci:** *kursus jangka pendek komputer (KJPK), ICT, peserta kursus*

### Pengenalan

UiTM Pahang Kampus Raub telah menawarkan Kursus Jangka Pendek Komputer sejak tahun 2003. Pada awalnya para peserta terdiri daripada pelajar lepasan SPM dari sekolah-sekolah di sekitar daerah Raub. Sambutan dari para peserta ketika itu adalah di luar dugaan di mana hampir 100 pelajar mendaftar. Walhal, tenaga pengajar pada ketika itu, hanyalah seorang sahaja serta peralatan komputer yang terhad. Waima, kursus tersebut dijalankan dengan jayanya dan menjadikan UiTM Kampus Raub sebuah pusat pembelajaran ICT. Kini peserta kursus bukan sahaja dari pelajar sekolah tetapi dibuka kepada orang perseorangan atau berkumpulan dari jabatan kerajaan/swasta yang bumiputera. Sehingga kini, kursus jangka pendek komputer telah berjaya melatih seramai lebih 500 orang peserta dan juga merupakan penyumbang utama hasil pendapatan kepada Kampus Raub. Kursus Jangka Pendek Komputer ini merupakan kursus yang dijalankan oleh UiTM Kampus Raub khusus bagi pelajar sekolah, orang perseorangan dan juga kakitangan kerajaan/swasta. Kursus ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu :

- a) Bahagian I : Pengenalan kepada Perkakasan & Perisian – Ms Word & Ms Excel
- b) Bahagian II : Interaktif Multimedia – Ms PowerPoint & Windows Movie Maker
- c) Bahagian III : Aplikasi Internet - Macromedia Dreamweaver

Tiap-tiap bahagian mengambil masa selama lapan hari bekerja. Manakala kursus dijalankan selama tiga jam samada di waktu pagi, petang atau malam. Di samping menerangkan isi kandungan kursus, peserta juga diberi latihan berkenaan cara-cara menyelesaikan sebarang masalah pengajaran dan pembelajaran menggunakan perisian komputer yang tertentu. Ini selaras dengan pandangan Heinich (1996) yang menyatakan bahawa komputer dapat memperkayakan teknik pengajaran serta berkemampuan mengawal dan mengurus bahan pengajaran yang banyak. Kemampuan komputer berinteraksi dengan pengguna membolehkan pengajar-pengajar menerapkan pengajaran dan pembelajaran secara lebih mudah serta menarik.

Jadual 1 merupakan isi kandungan yang digunakan dalam mengendalikan kursus ini. Isi kandungan ini dirujuk daripada modul-modul yang telah sedia ada di pasaran dan telah dikemaskini dari segi latihan-latihan yang terkini.

Jadual 1: Isi Kandungan bagi Kursus Jangka Pendek Komputer

Bahagian	Topik	Kandungan
I	<b>Pengenalan</b>	Pengenalan kepada Perkakasan & Perisian
	<b>Microsoft Word</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Asas pembinaan dokumen.</li> <li>2. Penghasilan, pemindahan dan penetapan spesifikasi teks dalam dokumen.</li> <li>3. Operasi Penyuntingan dokumen</li> <li>4. Menggunakan symbol dan imej dalam dokumen.</li> <li>5. Menghasilkan serta menggunakan pelbagai jenis grafik di dalam dokumen.</li> <li>6. Penggunaan jadual di dalam dokumen.</li> <li>7. Menghasilkan dokumen yang lebih menarik dan berkesan.</li> </ol>
	<b>Microsoft Excel</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Asas dalam pembinaan sebuah hamparan elektronik.</li> <li>2. Menetapkan format data dan fail hamparan.</li> <li>3. Menetapkan spesifikasi dan mengubahsuai jadual.</li> <li>4. Menggunakan formula dan fungsi.</li> <li>5. Membina carta dan graf.</li> <li>6. Mencetak fail hamparan.</li> </ol>
Bahagian	Topik	Kandungan
II	<b>Microsoft PowerPoint</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Operasi asas dalam pembinaan sebuah persembahan elektronik.</li> <li>2. Meneroka persekitaran persembahan elektronik yang dihasilkan.</li> <li>3. Meminda dan mengubahsuai persembahan elektronik.</li> <li>4. Menetapkan format dan meminda spesifikasi skrin persembahan.</li> <li>5. Penggunaan grafik dan ilustrasi dalam persembahan.</li> <li>6. Penerapan elemen multimedia: animasi, audio dan video</li> <li>7. Konsep interaktiviti dalam persembahan.</li> <li>8. Menyimpan dan menyebarkan fail.</li> </ol>
	<b>Windows Movie Maker</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengenalan kepada Windows Movie Maker</li> <li>2. Mengimport video, grafik dan bunyi.</li> <li>3. Menggunakan kesan video, transisi video dan animasi.</li> <li>4. Interaktiviti dan menghasilkan movie.</li> </ol>

Bahagian	Topik	Kandungan
III	<p><b>Macromedia Dreamweaver MX</b>  <i>Sebelum ini menggunakan perisian Microsoft Frontpage</i></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengenalan kepada Macromedia Dreamweaver MX</li> <li>2. Membina laman sesawang.</li> <li>3. Membangunkan laman sesawang.</li> <li>4. Elemen-elemen asas dalam sesebuah laman sesawang.</li> <li>5. Melancarkan laman sesawang di Internet.</li> <li>6. Penerapan elemen multimedia: animasi, audio dan video</li> <li>7. Konsep interaktiviti dalam persembahan.</li> </ol>

Bagi mengukur tahap kefahaman setiap topik yang diajar, para peserta akan menduduki ujian di penghujung kursus. Berdasarkan kepada Teori Pemprosesan Maklumat Hartley & Davies (1976), teori ini menumpukan kepada bagaimana pelajar memproses maklumat dalam ingatan jangka pendek dan kemudian diproses sebelum disimpan ke ingatan jangka panjang. Para peserta dikehendaki menyelesaikan beberapa masalah dalam bentuk 'hands on' dengan menggunakan perisian yang tertentu. Secara keseluruhannya, semua para peserta hadir dan lulus dengan jayanya ujian yang diberikan yang merupakan salah satu indikator untuk dicatat di dalam sijil masing-masing. Hanya yang cemerlang akan dicatat hadir dan lulus dengan cemerlang yang mana sebilangan kecil peserta sahaja yang memperolehinya.

Jadual 2 berikut adalah yuran kursus yang dikenakan bagi tiap-tiap satu bahagian. Yuran yang dikenakan kepada peserta kursus untuk setiap bahagian adalah berpatutan dan didapati paling murah jika dibanding dengan pusat-pusat komputer yang terdapat di sekitar daerah Raub, Bentong dan Kuala Lipis.

Jadual 2: Yuran Kursus Jangka Pendek Komputer bagi Bahagian I, II dan III

Bil	Bahagian	Yuran
1.	<b>Bahagian I</b>	RM100.00
2.	<b>Bahagian II</b>	RM120.00
3.	<b>Bahagian III</b>	RM150.00

Norlaila Abdullah (2008) dalam hasil kajian pasaran UiTM Kampus Raub, mendapati majoriti responden telah memilih Kursus Jangka Pendek Komputer sebagai salah satu kursus yang paling digemari jika diberbanding kursus-kursus jangka pendek yang lain. Responden adalah terdiri daripada kakitangan dari pejabat kerajaan dan swasta yang kebanyakan mereka mempunyai kelayakkan SPM dan STPM sahaja. Kajian ini juga mendapati, 86% daripada responden bersetuju kadar yuran yang dikenakan bagi setiap kursus jangka pendek adalah di antara RM100 hingga RM300. Oleh yang demikian, satu kajian telah dijalankan bagi mengukur tahap keberkesanan kursus jangka pendek komputer yang telah dijalankan terhadap peserta kursus. Tahap keberkesanan diukur berdasarkan kepada kriteria-kriteria tertentu seperti penggunaan alat bantu mengajar, masa dan yuran kursus, pengisian kursus iaitu isi kandungan dan latihan yang diberikan semasa kursus serta keselesaan peserta kursus. Secara tidak langsung, kriteria-kriteria ini dapat menentukan teknik mengajar yang digunakan mencapai objektif pengajaran menurut kaedah Edward M. Anthony (1963). Ianya merujuk kepada kebijaksanaan dalam memilih pendekatan serta kecekapan merancang kaedah atau teknik dalam satu-satu pengajaran berdasarkan objektif pelajaran yang ditentukan.

## Bahan dan Kaedah Kajian

Bagi mendapatkan penilaian peserta Kursus Jangka Pendek Komputer (KJPK), soalan kaji selidik telah digunakan sebagai instrument utama di dalam kajian ini. Setiap peserta KJPK akan diberikan borang soal selidik selepas tamat kursus yang diambil. Daripada 150 borang kaji selidik yang diedarkan, hanya 102 maklum balas yang dianalisa secara *descriptive analysis*. Manakala maklum balas lain tidak dianalisa kerana maklum balas yang diterima tidak lengkap. Para peserta di kehendaki menandakan jawapan samada **YA** atau **TIDAK** terhadap soalan yang diberikan. Enam kriteria dinilai mengenai persepsi peserta terhadap kursus jangka pendek komputer. Antaranya:


- a) Kemudahan alat bantu mengajar yang digunakan semasa kursus memuaskan.
- b) Masa kursus/pembelajaran yang mencukupi
- c) Tugas atau latihan yang diberikan semasa kursus membebaskan para peserta
- d) Kesselesaan para peserta kursus di dalam makmal komputer semasa kursus/pembelajaran
- e) Isi kandungan kursus menepati keperluan peserta dalam bidang IT.
- f) Yuran kursus yang berpatutan bagi setiap kursus jangka pendek

## Hasil dan Perbincangan

Hasil daripada analisa yang dilakukan ke atas enam kriteria yang dinyatakan di atas. Jadual 3 dan Rajah 1 di bawah adalah ringkasan hasil yang diperolehi daripada kajian yang dijalankan terhadap 102 peserta kursus.

Jadual 3: Penilaian Peserta terhadap Kursus Jangka Pendek Komputer

No.	Penilaian Peserta	YA		TIDAK	
		Jumlah	%	Jumlah	%
1.	Kemudahan alat bantu mengajar yang digunakan semasa kursus	97	95.1%	5	4.9%
2.	Masa kursus/pembelajaran yang mencukupi	82	80.4%	20	19.6%
3.	Tugas atau latihan yang diberikan semasa kursus membebaskan para peserta	23	22.5%	79	77.5%
4.	Kesselesaan para peserta kursus di dalam makmal komputer semasa kursus/pembelajaran	95	93.1%	7	6.9%
5.	Isi kandungan kursus menepati keperluan peserta dalam bidang IT.	99	97.1%	3	2.9%
6.	Yuran kursus yang berpatutan bagi setiap kursus jangka pendek	102	100%	0	0%



Rajah 1: Penilaian Peserta terhadap Kursus Jangka Pendek Komputer mengikut Kriteria

Merujuk kepada Jadual 3 dan Rajah 1, secara keseluruhan para peserta KJPK berpuashati dengan yuran kursus yang dikenakan. Seperti yang dimaklumkan, yuran kursus yang dikenakan adalah berpatutan dan paling murah dikenakan jika dibandingkan dengan pusat-pusat ICT yang terdapat di daerah Raub ini. Bagi sesetengah pusat ICT, yuran yang dikenakan sangat tinggi dan tidak mampu bagi golongan peserta yang berpendapatan rendah hanya untuk mempelajari asas-asas pengkomputeran. Kadar yuran ini telah dipersetujui oleh pihak pengurusan UiTM Pahang berdasarkan kemampuan para peserta serta pembayaran kepada tenaga pengajar serta bil utiliti kampus. Kriteria-kriteria lain seperti isi kandungan kursus, keselesaan peserta semasa proses pembelajaran serta alat bantu mengajar yang digunakan juga mendapat penilaian yang tinggi dari para peserta di mana melebihi 90%. Ini adalah disebabkan, satu komputer diperuntukkan kepada setiap peserta bagi memudahkan proses pembelajaran di dalam makmal yang lengkap berhawa dingin. Begitu juga penggunaan projektor serta modul-modul untuk rujukan para peserta. Namun terdapat juga kekangan semasa proses pembelajaran iaitu peralatan komputer yang tidak berfungsi dengan baik seperti pembesar suara, tetikus, papan kekunci dan juga CPU itu sendiri.

Manakala dari segi masa kursus, sebahagian peserta menyatakan tidak mencukupi dengan masa yang sedia ada. Ini kerana masa yang diperuntukkan untuk sehari kursus adalah tiga jam dari jumlah keseluruhan iaitu 24 jam. Hal ini melibatkan para peserta yang tidak mahir dan baru pertama kali menggunakan komputer. Dari segi tahap kemahiran setiap peserta memang tidak dinafikan seringkali berbeza. Ini terjadi kerana kebanyakan peserta yang sudah mahir tetapi menghadiri kursus bagi tujuan mendapatkan sijil. Berbeza dengan peserta yang menghadiri kursus untuk mempelajari asas-asas komputer. Ia juga memberi kesan terhadap pemberian latihan atau tugas kerana sedikit sebanyak menjadikan bebanan kepada golongan yang kurang mahir ini. Walaupun hanya segelintir iaitu 22.5%, golongan ini akan diberikan sesi rundingan khas selepas waktu kursus bagi memahirkan lagi penggunaan komputer.

## Penambahbaikan dan Cadangan

Memandangkan permintaan yang amat menggalakkan dari masa ke semasa terhadap KJPK ini, pihak Kamus Raub sentiasa menambahbaik KJPK ini bagi meningkatkan kualiti pembelajaran. Antaranya, mengemaskini perisian komputer kepada yang terkini yang mana sebelum ini menggunakan Microsoft Office XP kepada Microsoft Office 2007. Begitu juga dengan perkakasan, sehingga kini UiTM Kampus Raub mempunyai hampir 60 biji komputer untuk memenuhi keperluan para peserta kursus. Selain itu, bagi memantapkan lagi KJPK ini, pelbagai kursus yang berkaitan komputer akan diadakan, antaranya Kursus Membaikpulih Komputer, Kursus Adobe Photoshop dan Kursus Pengkalan Data. Kursus-kursus ini juga akan melibatkan tenaga pengajar dari Kampus Jengka serta syarikat luar bagi memenuhi kehendak peserta dan juga meningkatkan kualiti kursus.

## Kesimpulan

Secara tidak langsung, kewujudan UiTM Kampus Raub sebagai pusat pembelajaran ICT membuka peluang kepada masyarakat setempat khususnya di daerah Raub mempelajari bidang ICT. Usaha murni ini, kini mendapat perhatian Persatuan-Persatuan, Kelab-Kelab, JKKK serta jabatan kerajaan di daerah Raub untuk mengadakan kursus ini di luar daripada kampus. Jadual 4 memaparkan kursus-kursus komputer yang telah diadakan di dalam dan di luar Kampus Raub semenjak ia dijalankan. Pada tahun 2010, kursus komputer ini telah menarik minat Kelab Belia daerah Raub, Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) daerah Cameron Highlands, JKKK RTP Klau dan juga Pejabat Belia dan Sukan daerah Raub. Skop kursus yang dijalankan di luar masih lagi sama iaitu dari segi isi kandungan dengan mengikut kehendak para peserta, namun kursus ini lebih kepada khidmat masyarakat di mana tiada yuran kursus kerana dijalankan diluar kampus. Adalah tidak dinafikan, masih ramai yang memerlukan kursus-kursus ICT seperti ini bagi meningkatkan ilmu ICT terutama di zaman teknologi ini. Jika diberi peluang, adalah diharapkan kursus-kursus ini dapat diteruskan pada masa akan datang di UiTM Kampus Raub khasnya dan cawangan-cawangan UiTM pahang yang lain amnya.

Jadual 4: Senarai Kursus Jangka Pendek Komputer dan Kursus berkaitan Komputer yang telah diadakan di dalam dan di luar UiTM Kampus Raub

*/**	BIL.	KURSUS/PROGRAM	TARIKH	PESERTA
	1.	Kursus Jangka Pendek Sijil Komputer (Bahagian 1)	6 Januari 2003	Pelajar-pelajar lepasan SPM
	2.	Kursus Jangka Pendek Sijil Komputer (Bahagian 2)	5 Mac 2003	Pelajar-pelajar lepasan SPM/STPM
	3.	Kursus Jangka Pendek Sijil Komputer (Bahagian 1)	16 April 2003	Pelajar-pelajar lepasan SPM
	4.	Kursus Jangka Pendek Sijil Komputer (Bahagian 2)	9 Jun 2003	Pelajar-pelajar lepasan SPM
	5.	Kursus Jangka Pendek Sijil Komputer (Bahagian 1)	5 Januari 2004	Pelajar-pelajar lepasan SPM
	6.	Kursus Jangka Pendek Sijil Komputer (Bahagian 1)	16 Febuari 2004	Pelajar-pelajar lepasan SPM
	7.	Kursus Jangka Pendek Sijil Komputer (Bahagian 1)	7 April 2004	Pelajar-pelajar lepasan SPM
**	8.	Kursus Intensif Komputer dalam Microsoft Word XP bagi JKKK Kg. Telang	22 Mei 2004	Ahli JKKK Kg. Telang

	9.	Kursus Jangka Pendek Komputer (Bahagian I, II & III)	26 April 2005	Pelajar-pelajar lepasan SPM
	10	Kursus Jangka Pendek Komputer (BhgI, II & III)	20 Januari 2006	Pelajar-pelajar lepasan SPM / STPM
**	11.	Kursus Komputer JKKK Sempalit	11 – 15 September 2006	Ahli JKKK Sempalit
*	12.	Kursus Intensif Komputer JKKK Daerah Raub	22-23 November 2006	Pengerusi-pengerusi JKKK daerah Raub
	13.	Bengkel Si Cilik Celik ICT	27-29 November 2006	Pelajar-pelajar sekolah rendah 9-12 tahun
	14.	Kursus Jangka Pendek Komputer (Bhgn I & III)	3-12 Januari 2007	Pelajar lepasan SPM/Surirumah
	15.	Kursus Jangka Pendek Komputer (Bhgn I)	8- 28 April 2007	Pelajar lepasan SPM/Surirumah
**	16.	Kursus Membaiki Komputer JKKK Simpang Kallang	12 – 13 Mei 2007	Ahli JKKK Simpang Kallang
**	17.	Kelas Komputer Masjid Baru Daerah Raub	Sepanjang Bulan Ogos Hingga September 07	Penduduk Sekitar Daerah Raub
	18.	Kursus Jangka Pendek Komputer (Bhg 1 dan II)	10 - 18 Dis 07	Penduduk dan lepasan SPM
**	19.	Bengkel Komputer : RTP Klau	11 Dis – 12 Dis 07	JKKK RTP Klau dan UMNO
	20.	Kursus Jangka Pendek Komputer (Bhg 1 dan II)	26 - 31 Dis 07	Pelajar Lepasn SPM
	21.	Kursus Jangka Pendek Komputer (Bhg I)	07 - 21 Jan 2008	Pelajar Lepasn SPM
	22.	Kursus Jangka Pendek Komputer (Bhgn I)	17 Mei 2008	Kakitangan Hospital Raub
*	23.	Belia Celik ICT	12 April 2008	Pelajar-pelajar Orang Asli Dari Pusat Raub
	24.	Kursus Jangka Pendek Komputer (Bhgn II)	30 Jun 2008	Kakitangan Hospital Raub
	25.	Kursus Jangka Pendek Komputer (Bhgn I & II)	15 - 24 Dis 2008	Lepasn SPM
	26.	Kursus Jangka Pendek Komputer (Bhgn I & III)	05 – 15 Jan 2009	Lepasn SPM
**	27.	Kursus Kemahiran Komputer (Bhgn I)	Pada bulan Feb 2009	Pelajar di Friendsster IT Zone
	28.	Kursus Jangka Pendek Komputer (Bhgn I, II & III)	10 – 31 Mac 09	Lepasn SPM
	29.	Kursus Jangka Pendek Komputer (Bhgn I)	06 Apr 2009	Lepasn SPM
*	30.	Kursus Asas Komputer	11 -12 Nov 2009	AJK Jiran Wanita Taman Raub Jaya 3
		Kursus Jangka Pendek Komputer (Bhgn I & II)	07 – 29 Dis 09	Orang-perseorangan
**	31.	Kursus Asas Komputer di Kompleks Rakan Muda, Dong Raub	07 – 30 Dis 2009	Orang Awam & Pelajar
		Kursus Jangka Pendek Komputer (Bhgn I)	11 Jan 10 – 02 Feb 10	Lepasn SPM

**	32.	Bengkel Komputer (Windows Movie Maker)	16-17 Jan 2010	Ahli PERKEP Daerah Cameron Highlands
	33.	Kursus Jangka Pendek Komputer (Bhgn I)	10 – 24 Feb 10	Lepasan SPM
	34.	Kursus Jangka Pendek Komputer (Bhgn II)	13 – 30 Apr 10	Pelajar & Orang-perseorangan
**	35.	Bengkel Asas Komputer	13 – 14 Mei 2010	Ahli Biro Wanita Kump.Halwani Kelompok Sg.Lui 1, 2 & 3
**	36.	Klinik Membina Montaj Multimedia (Movie Maker) Rakan MIDA di Kompleks Rakan Muda, Dong Raub	27 Mei 2010	Orang-perseorangan

\* *Program Khidmat Masyarakat di UiTM Kampus Raub*

\*\* *Kursus yang diadakan di luar dari Kampus Raub dan lebih kepada program Khidmat Masyarakat*

## Rujukan

Arif Sukardi (1987). *Prinsip-Prinsip (Teori) Pembelajaran*. [www.Ut.Ac.Id/Ol-Supp/Fkip/Pgsm3803/](http://www.Ut.Ac.Id/Ol-Supp/Fkip/Pgsm3803/) .(20 Disember 2000).

Baharuddin Aris (2001). *Universiti Teknologi Malaysia's Teacher Education Students Learning about ICT Using ICT*. *Innotech Journal*, Vol. 25, No. 2, July to December.

Muhamad Hasan Abdul Rahman (2000). *Media Pengajaran Penghasilan Bahan Pengajaran Berkesan*, Terbitan UPM.

Musa Abu Hassan (2002). *Peranan dan Penggunaan ICT di Kalangan Masyarakat*, Terbitan UPM

Norlaila Abdullah (2008). *Business Expansion Feasibility Study For UiTM Kampus Raub: UiTM Pahang: Prosiding KONAKA 2008*.

Rashidi Azizan & Abdul Razak Habib (1995). *Pengajaran Dalam Bilik Darjah. Kaedah Dan Strategi*. Kajang: Masa Enterprise.

Thompson, Brenda (1974). *Learning To Teach*. London

---

ROZELEENDA HJ. ABDUL RAHMAN, UiTM Pahang Kampus Raub.  
[rozeleenda@pahang.uitm.edu.my](mailto:rozeleenda@pahang.uitm.edu.my)